



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 10 Disember 2013 (Selasa)**

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** di bawah kod bidang **220801** untuk membekal perkara berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/ MASA/TEMPAT TAKLIMAT (Taklimat adalah WAJIB)	KAEDAH PEROLEHAN
Tawaran Tender Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Ibu Pejabat, Kementerian Kesihatan Malaysia.  <b>No. Tender : X0251010304130151</b>	182/2013	Tarikh : 12 Disember 2013 (Khamis) Masa : 9.00 pagi Tempat : Bilik Gerakan, Aras 4, Blok E7, Kesihatan Malaysia, Kompleks E, Presint 1, 62590 Putrajaya	Secara ePerolehan

**Telecenter:**

**Kaunter Tender Dan Sebut Harga,  
Bahagian Perolehan dan Penswastaaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak di alamat seperti di atas semasa waktu pejabat mulai **12 Disember 2013 (Khamis)** atau dengan melayari [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).

<b>ISNIN – KHAMIS</b>	- 8.00 PAGI	- 1.00 PETANG
	- 2.00 PETANG	- 4.00 PETANG
<b>JUMAAT</b>	- 8.00 PAGI	- 12.00 TENGAH HARI
	- 2.45 PETANG	- 4.00 PETANG

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Nombor Rujukan yang dijana oleh sistem ePerolehan boleh diperolehi di Kaunter *Telecenter* di alamat dan no. Telefon seperti di atas pada **12 Disember 2013 (Khamis) dengan Hanya Perlu Membawa No. Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan Malaysia Atau Salinan Sijil Pendaftaran beserta salinan (tidak dikembalikan) Untuk Pengesahan Pendaftaran.**

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan dan cadangan ini perlu dikemukakan secara manual **pada atau sebelum 6 Januari 2014 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.** Semua dokumen sokongan tender (seperti katalog, profil syarikat dan lain-lain) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertulis No. Rujukan Unik yang dijana oleh sistem ePerolehan. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti di atas **pada atau sebelum 6 Januari 2014 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.** Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.